

on 19 February 2014

UNIMAS anjur bengkel Inovasi Bisnes Pertama Untuk Asia Pasifik



KUCHING, Rabu : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menganjurkan bengkel Inovasi Bisnes yang bertanggungjawab untuk kali pertama bagi Asia Pasifik bertempat di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Bengkel tersebut yang disertai lebih dari 60 orang peserta dari dalam dan luar negara telah dirasmikan oleh Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Koordinator Projek bagi Kumpulan 'Responsibility' mewakili Fraunhofer Institute, Berlin Germany, Dr Ing. Zaharya Menevidis, Ketua Pegawai Eksekutif RECODA, Datuk Amar Wilson Baya Dandot, Dekan Fakulti Ekonomi dan Peniagaan UNIMAS, Dr Mohammad Affendy Arip dan Koordinator Projek bagi Kumpulan 'Responsibility' UNIMAS, Dr Rohaya Mohd Nor.

Tiga penceramah utama iaitu Prof Dr Jane Cardosa, Encik Goh Su Gim dan Datuk Amar Wilson Baya Dandot telah menyampaikan ucapan utama dalam bengkel tersebut.

Objektif bengkel adalah untuk mengalakkan dialog-dialog yang membina di antara pihak berkepentingan dalam 'Responsible Research and Innovation (RRI)' dengan ahli 'Responsibility'.

Projek Responsibility bertujuan untuk mendapat pandangan pihak-pihak berkepentingan mengenai 'RRI' dan juga pandangan mereka terhadap 'Responsible Business as an Enabler of an Innovation'.

Hasil dari perbincangan tersebut, boleh digunakan sebagai mekanisma pembelajaran untuk meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu yang berkenaan RRI dan menjana Forum 'Responsibility' dan 'Observatory'.

UNIMAS merupakan salah satu dari tiga institusi dari Negara bukan Kesatuan Eropah dan ia mewakili bahagian Asia Pasifik.

Konsortium 'Responsibility' terdiri daripada 13 ahli dimana 10 ahli adalah dari institusi Negara Kesatuan Eropah manakala selebihnya adalah dari Negara bukan Kesatuan Eropah.

Sumber: Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Universiti Malaysia Sarawak
Ditulis Oleh: Sarena Haidir; Foto Oleh: Azlandy Mohammid Ali Tuah